



AKHBAR POPULAR BERJIWA MALAYSIA

Ikuti  
kami di  
Kosmo\_Online

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

[www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my)

SABTU 11 JUN 2016

RM1

BIL: 246 TAHUN 11 PP13809/08/2012 (030437)

## FADILAT RAMADAN



Sabda Rasulullah SAW: "Puasa dan Al-Quran memberikan syafaat kepada hamba Allah di hari kiamat. Puasa berkata, 'Wahai Tuhanaku, aku telah menghalanginya dari makan minum dan syahwat, maka berilah aku restu memberikan syafaat kepadanya.' Al-Quran berkata, 'Wahai Tuhanaku, aku telah menghalanginya dari tidur di malam hari, maka berilah aku restu memberikan syafaat kepadanya.' Lalu keduanya diberikan restu memberikan syafaat." - Hadis Riwayat Ahmad

RKLU 1156/2016 - Maluku 05/14/2016

**nu-prep®**  
TENAGA BERPANJANGAN  
PADA BULAN RAMADAN  
Dr Uji Secara Klinikal

Ini adalah iklan produk tradisional

biotropics

www.nu-prep.com.my



PM umum bantuan RM194 juta kepada penoreh getah, pekebun kecil »4



4 pelajar  
kolej terlepas  
hukuman mati »5

# Mati ditembak kerana pintas motosikal

concorde Thailand



# gengster i nallana

**Polis dedah punca seorang rakyat Malaysia mati ditembak dua samseng di Hadyai**



POLIS Hadyai mengadakan sidang akhbar mengumumkan penangkapan suspek (berbaju belang) yang dipercayai menembak mati warga Malaysia, Mohd. Nizam pada 16 Mei lalu.

POLIS Thailand mendedahkan perasaan tidak puas hati dua suspek terhadap cara seorang rakyat Malaysia, Mohd. Nizam Ahmad Basrah (gambar kecil), 28, menunggang motosikal di negara itu menjadi punca mangsa mati ditembak dalam

kejadian di Jalan Phadungpakdee, Hadyai pada 16 Mei lalu.

Penolong Ketua Polis Songkhla, Kolonel Chaiwat Nittayavitmol berkata, suspek

Warawut Muangmin, 25, yang tidak berpuas hati dengan cara Mohd. Nizam memintas motosikal mereka secara mengejut telah bertindak menembak mangsa.

"Motif suspek menembak mangsa adalah kerana dia memotong motosikal dinaiki suspek bersama rakannya secara tiba-tiba, menyebabkan

suspek rasa terkejut dan marah dengan kejadian itu," katanya pada sidang akhbar di Hadyai semalam.

Akhbar sebelum ini melaporkan, Mohd. Nizam yang berasal dari Pulau Pinang ditembak mati ketika menunggang motosikal seorang diri ke sebuah hotel di Hadyai kira-kira pukul 3.30 pagi.

»LAPORAN DI MUKA 2



**Pembantu peribadi terlepas hukuman gantung »7**



**Hati-hati jangan terbeli ayam proses dari China »18**

KEADAAN tangan Muhammad Adam parah akibat bermain mercun di Kampung Sayong Lembah, Kuala Kangsar kelmarin.

**Budak putus tiga jari main mercun pada bulan Ramadan**

SEORANG murid tahun lima putus tiga jari manakala tapak tangan kanannya hampir terbelah dua setelah mercun yang cuba dibakarnya meletup dalam kejadian di Kampung Sayong Lembah di Kuala Kangsar kelmarin.

Muhammad Adam Haikal Mohamed Sabri, 11, murid Sekolah Kebangsaan Sayong ditimpa kemalangan itu ketika bermain mercun tersebut pada pukul 6.30 petang.

Mangsa yang merupakan anak bongsu daripada lima beradik dibawa ke Hospital Kuala Kangsar bagi mendapatkan rawatan lanjut sebelum dipindahkan ke Hospital Taiping pada pukul 9 malam kelmarin.

»LAPORAN DI MUKA 3

JPJ bakal heret pengguna lorong kecemasan ke mahkamah

# Pemandu degil akan didakwa

Oleh SUHANA MD. YUSOP

**KUALA SELANGOR –** Pengguna jalan raya yang masih berdegil dan terus menggunakan lorong kecemasan akan diheret ke mahkamah oleh Jabatan pengangkutan Jalan (JPJ) berkuat kuasa serta merta.

Ketua Pengaruhnya, Datuk Seri Ismail Ahmad berkata, tindakan tersebut dilaksanakan mengikut Kaedah 9 dan 53 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 yang memperuntukan hukuman denda sehingga RM2,000 atau penjara tidak lebih satu tahun.

Menurut Ismail, hanya kendaraan penguat kuasa seperti polis dan JPJ, ambulans dan kendaraan peronda lebuhraya yang boleh menggunakan lorong kecemasan.

"Kita lihat telah menjadi amalan pemandu kendaraan menggunakan lorong kecemasan bagi

mengelakkan kesesakan dan ingin cepat sampai ke lokasi, tindakan ini salah.

"Jika sebelum ini, JPJ hanya mengeluarkan saman RM300 kepada pengguna jalan raya yang menggunakan lorong kecemasan, namun kini kita akan mengambil tindakan lebih tegas dengan mengheret mereka ke mahkamah," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan pejabat JPJ cawangan Kuala Selangor di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tindakan orang ramai yang masih berdegil menggunakan lorong kecemasan sehingga menyebabkan kemalangan.

Dalam kejadian Mei lalu, dua beradik yang terlibat dalam kemalangan di Kilometer 228, Lebuhraya Utara-Selatan dekat Simpang Ampat, Melaka maut selepas dikatakan lewat mendapat rawatan ekoran beberapa

kenderaan memasuki lorong kecemasan sehingga menghalang pergerakan ambulans.

Ismail memberitahu, JPJ tidak akan berkompromi dalam isu pengguna jalan raya yang menggunakan lorong kecemasan dan tindakan tegas dengan membawa mereka ke mahkamah adalah untuk memberi peringatan bahawa kesalahan tersebut adalah serius.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kejadian kemalangan di Melaka, sebanyak tujuh pengguna jalan raya yang menggunakan lorong kecemasan tampil mengaku salah dan akan dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan tersebut.

"Dalam kes tersebut, sebanyak 91 pemilik kendaraan telah diberi notis temu siasat dan hanya tujuh yang tampil. Bagaimanapun seramai 84 orang diberi tempoh sehingga 16 Jun ini untuk tampil memberi keterangan.



ISMAIL AHMAD (kiri) menyerahkan cukai jalan dan sijil pemilikan kendaraan kepada pelanggan pertama pejabat JPJ cawangan Kuala Selangor, Zakaria Abd. Harnid di Kuala Selangor semalam.

"Kita masih menunggu mereka tampil namun sekiranya mereka gagal memberi keter-

angan JPJ akan heret mereka ke mahkamah untuk tindakan penguatkuasaan," ujarnya.

# Pembantu peribadi terlepas tali gantung

KUALA LUMPUR - Seorang pembantu peribadi terlepas hukuman gantung sampai mati setelah dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam daripada dua pertuduhan mengedar dadah tahun lalu.

Pesuruhjaya Hakim Datuk Paduka Azman Abdullah membuat keputusan itu terhadap tertuduh R. Mageswaran, 32, selepas pihak pendakwaan gagal menimbunkan kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didapati mengedar dadah berbahaya iaitu empat paket lutsinar methamphetamine seberat 96.59 gram (g) manakala bagi pertuduhan kedua pula 20 paket lutsinar heroin seberat 0.56g dan 0.38g monoacetylmorphines.

Kedua-dua kesalahan itu

dilakukan di No. 21 Jalan Kovil, Kg. Chetty, Senyum di sini pada 6 Januari 2015, pukul 7 malam.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta sama bagi pertuduhan pertama manakala Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1953 yang membawa hukuman gantung sampai mati.

Dalam penghakimannya itu, Azman berkata, pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen pemilikan dadah berkenaan termasuk rumah dan barang di dalam rumah yang bukan milik tertuduh.

Seramai tujuh saksi pendakwaan dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan yang bermula 24 Mac lalu.



MAGESWARAN (tengah) gembira semasa berbual dengan peguamnya selepas dilepas dan dibebaskan daripada dua pertuduhan mengedar dadah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam.

## Penunggang motosikal maut dalam kemalangan di Port Dickson

PORR DICKSON - Seorang lelaki maut apabila motosikal yang ditungganginya dilanggar dari belakang oleh sebuah kereta dalam kemalangan di Kilometer 28.5 Lebuhraya Seremban-Port Dickson malam kemarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Port Dickson, Deputi Superintendent Zainudin Ahmad

berkata, siasatan awal mendapati, kemalangan yang berlaku pada pukul 8.30 malam itu berpunca daripada kereta BMW yang diperdayai dipandu laju oleh seorang lelaki.

Kereta tersebut kemudian melanggar belakang motosikal Muhammad Azmi Mohd Zin, 21, yang menyebabkan mangsa tercampak ke dalam longkang di sebelah kiri

lebuh raya manakala kereta terbabit terbasas masuk ke dalam longkang tersebut," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Zainudin berkata, akibat kemalangan tersebut, Muhammad Azmi mengalami cedera parah pada kepala dan meninggal dunia di tempat kejadian manakala pemandu kereta Lim Kah Weng, 33, dan penumpang warga

Vietnam, Huynh Ngoc Ha, 20, mengalami kecederaan.

Beliau berkata, kesemua mangsa diantar ke Hospital Port Dickson untuk tindakan susulan.

"Ketika kemalangan, cuaca baik serta keadaan jalan adalah lurus dan gelap di sekelilingnya," katanya. - Bernama

## Polis tahan suami isteri, pemuda bersama pelbagai jenis dadah

DUNGUN - Sepasang suami isteri dan seorang pemuda diberkas bersama pelbagai jenis dadah yang bernilai hampir RM17,000 pada Rabu lalu.

Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendant Ahmad Zailani Yaacob berkata, ketiga-tiga mereka ditahan dalam satu serbuan di sebuah rumah di bandar Bukit Besi kira-kira pukul 9.30 pagi.

Katanya, hasil pemeriksaan di bahagian ruang tamu, pihaknya mengesan seorang lelaki berusia 31 tahun dan menjumpai serbuk putih dipercayai syabu kira-kira 8.8 gram bersamanya.

"Pemeriksaan lanjut di bilik bahagian dapur rumah tersebut kita menemui pasangan suami isteri berkenaan, kita juga terpaksa memecahkan pintu bilik tersebut ekoran penghuni enggan membuka pintu," katanya di sini semalam.

Menurutnya, siasatan lanjut di dalam bilik yang dihuni pasangan suami isteri itu, pihaknya

menemui 22 botol plastik berpenutup kuning berisi dadah dipercayai heroin serta dadah jenis syabu kira-kira 1.67 gram yang disembunyikan di dalam sebuah beg.

Susulan penahanan itu, pihaknya berjaya merampas dadah jenis heroin bernilai RM15,400 dan syabu kira-kira RM1,100.

Beliau berkata hasil ujian saringan air kencing ke atas kesemua suspek mendapat mereka positif dadah jenis methamphetamine.

Ahmad Zailani berkata, dua suspek lelaki berasal dari Kelantan manakala wanita berkenaan yang berasal dari Dungun ditahan reman sehingga 15 Jun ini untuk siasatan lanjut.

Katanya, hasil semakan rekod juga mendapat kesemua mereka mempunyai rekod lampau berkaitan dadah.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. - Bernama